

**PKR Akui Belum Terima Surat Sokongan PAS Berhubung Calon MB Selangor Bernama**  
**August 24, 2014**

SHAH ALAM, 24 Ogos (Bernama) -- Parti Keadilan Rakyat (PKR) hari ini mengakui wujud situasi ketidaktentuan dalam Pakatan Rakyat berikutan masih belum menerima sokongan sepenuhnya daripada PAS berhubung keputusan mencalonkan Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail sebagai Menteri Besar Selangor yang baharu.

Naib Presidennya Rafizi Ramli berkata parti itu masih lagi menunggu surat sokongan daripada PAS Pusat yang dijangka bermesyuarat esok bagi membincangkan isu itu.

"Setakat ini, PAS belum lagi memberi surat sokongan kepada kita walaupun esok pagi dikatakan (Menteri Besar Selangor) Tan Sri Khalid (Abdul Khalid Ibrahim) akan menghadap Sultan Selangor.

"Ada juga ura-ura Tan Sri (Abdul Khalid) akan bertindak membubarkan Dewan Undangan Negeri (DUN) Selangor selepas itu," katanya ketika berucap dalam sesi penggulungan Kongres Nasional PKR ke-10 di Stadium Malawati di sini, hari ini.

Berikutan itu, Rafizi turut memberi amaran kepada Abdul Khalid supaya menghormati suara rakyat dengan tidak membubarkan DUN.

"Tan Sri (Abdul) Khalid bersaralah baik-baik, jangan susahkan rakyat, walaupun kita belum dapat surat sokongan daripada PAS tetapi (Dr) Wan Azizah mempunyai majoriti undi yang cukup untuk dipilih menjadi menteri besar Selangor.

"Tan Sri Khalid janganlah menidakkan perlembagaan dan kuasa rakyat (Selangor)," katanya.

Semalam, Abdul Khalid berkata beliau akan mengumumkan tarikh untuk menghadap Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah, esok (Isnin ini) bagi membincangkan dan mendapat nasihat berhubung krisis menteri besar itu.

Ia susulan pada 14 Ogos lepas, Dr Wan Azizah yang juga presiden PKR dan Anggota Dewan Undangan Negeri Kajang mendakwa telah mendapat sokongan majoriti undi daripada 30 Anggota Dewan Undangan Negeri Selangor termasuk dua daripada PAS.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source :<http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1062946>